

# Institusi-institusi Islam

## UICI 2042

### Institusi Keluarga

Sayed Mahussain bin Sayed Ahmad al-Idrus  
Nurazmallail bin Marni

# KULIAH 3 & 4

# TATACARA PERKAHWINAN

- Islam telah menetapkan prosedur perkahwinan bermula dengan pemilihan calon, proses peminangan, pernikahan, dan kenduri perkahwinan.
- Ini bertujuan untuk mewujudkan ikatan perkahwinan yang bahagia dan aman damai.

# PEMILIHAN JODOH

## Antara Kriteria Calon Isteri menurut al-Ghazali

1. Teguh pegangan agamanya
2. Berakhlak mulia
3. Baik atau manis muka
4. Tidak tinggi mahar dan hantaran kahwin (mas kahwin & mahar misil)
5. Boleh melahirkan zuriat
6. Gadis
7. Keturunan yang baik/salih
8. Bukan daripada kerabat yang hampir

## Antara Kriteria Calon Suami

1. Beriman/teguh pegangan agamanya
2. Berakhlak mulia
3. Keturunan yang baik/salih
4. Bukan daripada kerabat yang hampir
5. Berlapang dada, penyantun dan pemaaf
6. Bersifat hemat dan cermat
7. Bersifat tenang dan waspada

# Peminangan

- Sebagai pendahuluan kepada akad nikah.
- Peminangan bermaksud menyatakan keinginan berkahwin kepada perempuan yang berkenaan / tertentu dengan memberitahu hasratnya itu kepadanya atau walinya.
- Setelah peminangan tersebut diterima dan sementara menanti masa ijab kabul, tempoh tersebut dikatakan pertunangan.
- Dalam perundangan, ikatan pertunangan diiktiraf sebagai suatu *ikatan kontrak persetujuan* untuk ikatan perkahwinan pada masa hadapan.

# Syarat & Hukum Pinangan

- 1) Tidak harus meminang wanita kecuali yang boleh dinikahi pada masa tersebut.
- 2) Tidak meminang wanita yang dihukumkan haram dikahwini selama-lamanya (mahram mu'abbad seperti ibu, kakak, adik perempuan, ibu mertua, adik-beradik susuan).
- 3) Tidak meminang wanita yang dihukumkan haram sementara (mahram mu'aqqat seperti kakak ipar dan adik ipar).
- 4) Harus meminang wanita yang masih dalam 'iddah (tempoh) kematian suami dengan cara sindiran.
- 5) Haram meminang wanita yang telah dipinang oleh seseorang lelaki yang pinangannya diterima kecuali dengan keizinannya.



# RUKUN NIKAH

- Rukun nikah terdiri daripada lima perkara, iaitu;
  - 1) Lelaki (bakal suami)
  - 2) Perempuan (bakal isteri)
  - 3) Wali (keluarga atau hakim)
  - 4) Saksi (dua orang lelaki)
  - 5) Ijab (serahan) dan kabul (terimaan)

# KRITERIA LELAKI (BAKAL SUAMI/ PENGANTIN LELAKI) YANG HARUS DI KAHWINI

- 1) Lelaki yang tidak haram kepada pasangan
- 2) Mempunyai kebebasan bukan paksaan
- 3) Lelaki tertentu
- 4) Mengetahui wanita itu halal baginya
- 5) Beragama Islam
- 6) Tidak memiliki empat orang isteri
- 7) Tidak dalam ihram haji atau umrah

# KRITERIA PEREMPUAN (BAKAL ISTERI/ PENGANTIN PEREMPUAN) YANG HARUS DI KAHWINI

- 1) Perempuan yang tidak diharamkan kepada pasangan
- 2) Perempuan tertentu
- 3) Perempuan tidak dalam larangan seperti dalam ihram haji atau umrah, bukan isteri orang dan tidak dalam iddah
- 4) Muslimah (beragama Islam) atau kitabiyah (ahli Kitab)

# SYARAT WALI

- 1) Islam
- 2) Lelaki
- 3) Baligh
- 4) Tidak dipaksa
- 5) Tidak dalam ihram haji atau umrah
- 6) Berakal
- 7) Adil; tidak fasiq

# SUSUNAN KEUTAMAAN WALI

(bagi anak dara)

1. Bapa (wali mujbir)
2. Datuk lelaki pihak bapa perempuan
3. Adik-beradik lelaki seibu sebapa
4. Adik-beradik lelaki sebapa
5. Anak saudara lelaki adik-beradik seibu sebapa
6. Anak saudara lelaki adik-beradik sebapa
7. Bapa saudara seibu sebapa
8. Bapa saudara sebapa
9. Anak lelaki bapa saudara seibu sebapa
10. Anak lelaki bapa saudara sebapa
11. Raja (wali hakim)

# SYARAT SAKSI NIKAH

- 1) Islam
- 2) Berakal
- 3) Baligh
- 4) Lelaki (2 orang)
- 5) Adil; tidak fasiq

## IJAB & KABUL

- Ijab adalah lafaz serahan nikah daripada pihak wali perempuan seperti katanya: "*Saya nikahkan engkau dengan anak saya (nama) dengan mas kahwinnya (rm ...) tunai/hutang.*"
- Kabul adalah lafaz jawab terima serahan nikah oleh pihak lelaki (pengantin atau wakilnya) seperti: "*Saya terima nikah.....*"

## Mas Kahwin (*Mahar*)

- Suatu pemberian oleh suami kepada isteri sebagai tukaran atau jaminan bagi sesuatu yang akan diterima daripada isterinya sama ada berupa wang ringgit atau harta yang bermanfaat.
- Pemberian tersebut menjadi suatu kewajiban kepada pihak lelaki dan sebagai tanda penghargaan, tanggungjawab dan kasih sayang suami terhadap isteri.



## Dalil Pensyariatan Mas Kahwin (*Mahar*)

- Firman Allah S.W.T dalam surah al-Nisa, 4:4 yang bermaksud: *"Dan berilah kepada perempuan itu mas kahwin mereka sebagai pemberian yang wajib."*
- Sabda Rasulullah yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim bermaksud: *"Berilah (isterimu itu maskahwin) sekalipun hanya sebetuk cincin besi" .*
- Hadis daripada Aishah bahawa Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: *"Sesungguhnya sebesar-besar keberkatan dalam perkahwinan ialah yang sederhana perbelanjaannya."*

# Kenduri Kahwin (Walimatul Urus)

- Ialah majlis/jamuan yang diadakan sempena perkahwinan.
- Hukumnya ialah sunat mu'akkad (amat digalakkan).
- Tujuan diadakan ialah untuk:
  - 1) Mengisytiharkan perkahwinan kepada orang ramai
  - 2) Melahirkan tanda kesyukuran dan kegembiraan
  - 3) Mengeratkan tali persaudaraan antara kedua-dua keluarga pasangan pengantin.

# Dalil Galakan Kenduri Kahwin (Walimatul Urus)

- Maksud hadis Rasulullah riwayat al-Bukhari “*Buatlah kenduri walaupun dengan seekor kambing*”.
- Makruh menghadkan jemputan kepada orang ternama atau orang-orang kaya sahaja dengan menyisihkan orang-orang miskin.
- Menghadiri jemputan perkahwinan adalah wajib selagi tidak ada sebarang keuzuran yang menghalangnya.

# Hak Bersama Suami Isteri

- 1) Mengecapi keseronokan dan kebahagiaan
- 2) Menjaga hubungan persemendaan antara kedua keluarga pasangan
- 3) Setiap seorang berhak untuk mempusakai harta peninggalan masing-masing.
- 4) Anak yang dilahirkan berhak dinasabkan (dibinkan atau dibintikan) kepada suami
- 5) Setiap seorang berhak untuk mendapatkan layanan, pergaulan yang baik, kasih sayang dan kasihan belas dalam kehidupan rumah tangga.

# Tanggungjawab Bersama Suami Isteri

- 1) Mensyukuri segala nikmat yang dianugerahkan oleh Allah.
- 2) Apabila diduga dengan kesulitan, keduanya perlu bersabar dan tabah menghadapinya.
- 3) Bertawakal kepada Allah setelah melaksanakan segala rancangan dan usaha.

## Tanggungjawab Bersama Suami Isteri

4. Segala masalah hendaklah diselesaikan secara syura (mesyuarat).
5. Dalam hal kebajikan dan kebaikan kedua-dua pihak mestilah saling tolong-menolong dan bekerjasama.
6. Suami atau isteri mestilah menunaikan apa yang telah dijanjikan.

- 7) Segera bertaubat kepada Allah jika melakukan dosa.**
- 8) Saling nasihat-menasihati antara satu sama lain terutama dalam menjalani hidup berumahtangga dan tugas masing-masing sebagai khalifah Allah di muka bumi.**
- 9) Sentiasa meminta dan memberi kemaafan.**

10. Sentiasa berbaik sangka antara satu sama lain dan menghapuskan perasaan buruk sangka.
11. Berusaha mengeratkan hubungan silaturrahim antara keluarga suami dan keluarga isteri.
12. ` Berusaha untuk menambah ilmu sama ` ada ilmu keibubapaan, fardu ain dan ` juga fardu kifayah.



# Hak Isteri & Tanggungjawab Suami

- 1) Mendapat nafkah batin daripada suaminya.
- 2) Mendapat tempat tinggal dan pakaian yang sempurna mengikut kemampuan suami.
- 3) Mendapat perhatian suami dalam hal keselamatan, kebajikan, dan kesihatan.
- 4) Suami mestilah menyelaras dan menyelesaikan masalah antara isteri-isteri dan jiran tetangga.
- 5) Menikmati kasih sayang, belas kasihan dan pergaulan yang baik daripada suami. Hal ini wajar diberi perhatian kerana wanita mempunyai perasaan dan jiwa yang lembut. Dengan cara ini ketaatan dan kesetiaan terhadap suami mudah diperolehi.

- 6) Mendapatkan nasihat, bimbingan dan didikan daripada suami dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kepada rumahtangga dan Allah.
- 7) Suami mesti menyedari hakikat kejadian dan keistimewaan wanita yang dibekalkan dengan emosi yang mendalam lalu menjadikannya tahan lasak dan kental dalam mendidik anak walaupun ia amat sensitif. Islam menggalakkan suami memberi nasihat yang baik, pujukan dan rayuan untuk mendapatkan ketaatan isteri serta banyak bersabar melayani isteri yang sentiasa dipenuhi dengan emosi.
- 8) Isteri berhak agar rahsianya tidak dibuka kepada orang lain.

- 9) Mendapat penjagaan yang baik daripada suami termasuklah kehormatannya.
- 10) Mempunyai perasaan cemburu yang sederhana terhadap suami.
- 11) Suami tidak boleh menggunakan kekerasan untuk mendapatkan sesuatu daripada isteri seperti memukul atau sebagainya yang boleh mencederakan fizikalnya.
- 12) Suami tidak boleh melukakan hati dan perasaan isterinya sama ada dengan perbuatan atau perkataan, di belakang mahupun di hadapannya.
- 13) Suami wajar menjauhkan diri daripada cemburu buta tanpa asas yang boleh merosakkan keutuhan rumahtangga.

## Hak Suami & Tanggungjawab Isteri

- 1) Menjadi pemimpin dalam rumahtangga.
- 2) Mendapat ketaatan dan kesetiaan daripada isterinya selagi tidak bertentangan dengan akidah, syariat, dan akhlak Islam.
- 3) Mendapat layanan yang memuaskan dan kasih sayang daripada suami.
- 4) Isteri mesti menjaga rahsia dan maruah suami manakala isteri pula mestilah sentiasa menjaga kehormatan dirinya ketika ketiadaan suami.
- 5) Isteri mestilah menutup aurat, memelihara pandangan mata, tidak membenarkan lelaki yang bukan mahramnya memasuki rumah ketika ketiadaan suaminya.

## Hak Suami & Tanggungjawab Isteri

- 6) Isteri mestilah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran suaminya untuk keluar rumah dan berpuasa sunat.
- 7) Isteri mestilah menjaga harta suami, berbelanja dalam kadar sederhana dan tidak membazir.
- 8) Isteri mesti mengasihi dan menghormati keluarga suaminya sama seperti ia menghormati dan menyayangi keluarganya sendiri.
- 9) Isteri perlu menjaga kesihatan, kebersihan dan kesempurnaan diri, rumahtangga, dan anak-anak.

## Ciri Isteri Yang Solehah

- 1) Baik akhlagnya, sentiasa bersopan dalam perkataan dan perbuatan dengan suami dan anak-anak. Bercakap dengan nada lembut dengan suami dan anak-anak serta keluarga, sentiasa mengelakkan diri daripada mengumpat, memfitnah dan mengadu-domba jiran dan masyarakat.
- 2) Memelihara mulutnya daripada mengadu hal suaminya kepada orang lain.
- 3) Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu serta segala titah perintah Allah dengan tabah dan sabar.
- 4) Menjaga kehormatan dirinya dengan hanya berhias untuk suami dan tidak berhias ketika ketiadaan suaminya.

## Sambungan ...

- 5) Sentiasa bersyukur dan tenang menerima nikmat dan dugaan daripada Allah.
- 6) Tidak meminta sesuatu yang tidak terdaya untuk dipenuhi oleh suaminya.
- 7) Menerima segala pemberian suaminya dengan penuh keikhlasan dan kerelaan.
- 8) Kurang bercakap dan hanya bercakap apabila perlu sahaja.

## Ciri Suami Yang Soleh

- 1) Memimpin rumahtangga dengan penuh amanah dan bertanggungjawab.
- 2) Sederhana dalam segala hal sama ada dalam berbelanja untuk nafkah dan sebagainya.
- 3) Sentiasa mengambil berat tentang hal isteri dan anak-anaknya. Memberi kasih sayang dan kejujuran kepada isteri.
- 4) Menyelidiki secara cermat dan teliti segala hal yang disampaikan oleh orang lain berkaitan dengan isterinya.
- 5) Membuat keputusan secara bijak dan tidak terburu-buru.
- 6) Menahan diri daripada memandang dan bergaul dengan wanita lain secara bebas.



- 7) Menjauhkan diri daripada minuman keras, judi, zina, dan membuang masa.
- 8) Ikhlas dan jujur serta menepati janji terhadap isteri dan anak-anak.
- 9) Mengutamakan kebersihan diri, zahir, dan batin.
- 10) Menahan perasaan cemburu terhadap sesuatu yang boleh mendatangkan kerosakan dan maksiat kepada diri, isteri, dan anak-anaknya.

## Tanggungjawab Ibu Bapa Terhadap Anak

- 1) Sentiasa berdoa kepada Allah agar diberi perlindungan kepada anak daripada gangguan syaitan ketika mencampuri isteri.
- 2) Banyakkan membaca al-Quran dan berdoa agar dijauhkan daripada perasaan gelisah, duka dan bersedih ketika bayi dalam kandungan.
- 3) Mendoakan kebaikan ketika bayi dilahirkan.
- 4) Memberikan nama yang baik kepada anak.
- 5) Mencukurkan rambut bayi dan mengadakan sembelihan aqiqah terutama pada hari ketujuh kelahiran.
- 6) Menyusukan anaknya sejak lahir hingga usia dua tahun.

- 7) Mendidik anak-anaknya agar beriman, bertaqwa dan beramal soleh serta berakhlak dengan akhlak yang terpuji.
- 8) Mendedahkan kepada anak-anak amal ibadah sejak mereka kecil.
- 9) Mewujudkan suasana Islam dalam rumahtangga; bermula dengan adab makan, berbual, tidur dan sebagainya.
- 10) Pastikan anak-anak tidak terdedah dengan perkara maksiat.
- 11) Memberi kasih sayang untuk kebahagiaan anak.
- 12) Tidak bersikap pilih kasih antara anak-anak dalam memberi kasih sayang, pakaian, makanan, hadiah dan lain-lain.

- 13) Memberi nafkah kepada anak-anak dengan menyediakan tempat tinggal, pakaian dan makanan mengikut kadar kemampuannya.
- 14) Mewujud dan mengekalkan suasana harmoni, riang, gembira, aman dan tenteram dalam rumahtangga.
- 15) Menguruskan perkahwinan anak-anaknya apabila sampai umur dan masanya. Pastikan jodohnya orang yang soleh dan beriman.

## Tanggungjawab Anak Terhadap Ibu Bapa (semasa hayat kedua-duanya)

- Berbuat baik kepada ibu bapa.
- Berlemah lembut dan berbudi bahasa
- Pengorbanan harta benda

## Tanggungjawab Anak Terhadap Ibu Bapa (setelah kematian kedua-duanya)

- 1) Mendoakan kedua-duanya
- 2) Menziarahi kubur ibu bapa
- 3) Melaksanakan janji (nazar ) keduanya semasa hidup
- 4) Menghubungkan silaturahim dengan sahabat handai ibu bapa
- 5) Menqadakan (ganti) puasa yang terhutang
- 6) Menunaikan haji sekiranya mampu
- 7) Melunaskan hutang piutang mereka.

# Balasan Anak Derhaka

- Menanggung dosa besar kerana menderhaka kepada ibu bapa.
- Dilaknat oleh Allah.
- Hidup yang tidak diberkati.

**INDIA: ZIONA Chana adalah ketua kepada keluarga terbesar di dunia dan dia berasa hidupnya 'sangat diberkati' kerana mempunyai 39 isteri.**





- **Chana turut mempunyai 94 anak, 14 menantu dan 33 cucu. Mereka semua tinggal di kediaman empat tingkat yang mempunyai 100 bilik, dibina di tengah-tengah kawasan berbukit Desa Baktwang di wilayah Mizoram di India. Semua isterinya tidur di beberapa bilik tidur besar.**

# MALAYSIA: SALIH YAAKOB



# NIGERIA : Seorang bomoh mempunyai 89 isteri



# POLIGAMI

- Mengikut Kamus Dewan Bahasa (2002) poligami ialah amalan beristeri lebih daripada seorang pada suatu masa yang sama.
- Poligami merupakan suatu amalan yang diharuskan.
- Pelaksanaannya bergantung pada individu dari sudut kemampuannya memberi nafkah dan keadilan antara isteri-isterinya.

# ANTARA TUJUAN POLIGAMI

- 1) Perkahwinan pertama tidak dapat zuriat
- 2) Isteri sakit dan memerlukan orang lain menguruskannya dan suami.
- 3) Terdapat sebab-sebab tertentu yang menghalang isteri daripada memuaskan suaminya dari segi hubungan kelamin.
- 4) Keadaan tertentu seperti terdapat ramai wanita akibat peperangan.

# Rumusan Dr Mustafa al-Husni tentang poligami

- Poligami boleh dilaksanakan sehingga empat orang isteri dalam satu-satu masa.
- Poligami dilaksanakan dengan syarat berlaku adil antara isteri. Barangsiapa merasa khuatir akan tidak berlaku adil, maka ia cukup dengan seorang isteri. Jika ia bernikah juga, akadnya sah namun berdosa dalam perbuatannya yang tidak adil. Adil di sini adalah dalam soal kebendaan seperti tempat tinggal, pakaian, makanan, minuman dan waktu giliran.
- Berkemampuan untuk memberi nafkah kepada semua isteri dan anak-anak daripada kesemua isteri tanpa sebarang diskriminasi.

# PEMBUBARAN PERKAHWINAN (PERCERAIAN)

- Talak dari segi bahasa bererti melepaskan ikatan.
- Talak menurut istilah syarak bererti melepaskan ikatan pernikahan dengan kata-kata atau lafaz yang menunjukkan perceraian.
- Perceraian adalah perbuatan yang halal dilakukan menurut agama tetapi tidak disukai oleh Allah kerana ia memutuskan kasih sayang sesama manusia.
- Dalil keharusannya ialah hadis Rasulullah riwayat Abu Daud dan Al-Hakim yang bermaksud: *“Perbuatan halal yang paling dimurkai Allah ialah talak (perceraian)”*.

# PRINSIP ISLAM DALAM MENANGANI KRISIS PERKAHWINAN

- 1) Menasihati - hendaklah isteri itu diberi nasihat terhadap kesalahannya agar isteri menyedari kesalahannya dan cuba untuk memperbaiki diri.
- 2) Memisahkan tempat tidur - sekiranya berdegil setelah diberikan nasihat. Mengikut Ibn Abas, memisahkan tempat tidur adalah dengan memalingkan muka daripada isteri di tempat tidur.
- 3) Memukul - sesudah dua tahap pengajaran dilalui dan isteri masih derhaka, maka suami berhak memukul tetapi tidak sampai menyakitkan.



- 4) Tahkim (majlis perundingan) - jika perselisihan berterusan maka hendaklah dicari penyelesaian melalui perundingan antara kedua pihak.
- 5) Menjatuhkan talak- jika kesemua usaha terdahulu menemui kegagalan dan suami tidak menghendaki perkahwinan itu lagi, janganlah si suami terlalu mengikut kemarahannya. Jatuhkanlah talak dengan talak satu atau talak raj'i (boleh rujuk) dalam keadaan isteri suci daripada haid dan belum dicampuri selepas suci tersebut.

# JENIS-JENIS TALAK

## 1) *Talak Raj'i (Cerai boleh rujuk/talak satu - dua)*

Suami masih dapat merujuk bekas isterinya tanpa memerlukan akad baru selagi isteri masih di dalam *iddah* (tiga kali suci daripada haid).

## 2) *Talak Ba'in*

- Suami menceraikan isteri dengan talak tiga.
- Suami tidak boleh merujuk kembali dengan bekas isterinya melainkan bekas isterinya berkahwin lain kemudian bercerai .

### 3) *Talak Khulu'* (Tebus Talak)

- Isteri memohon untuk bercerai dengan suaminya (*khulu'*) dengan memberikan wang atau lain-lain kepada suami.
- *Khulu'* hanya dibolehkan jika ada alasan yang kukuh seperti suami cacat anggota atau buruk akhlak atau tidak dapat memenuhi tanggungjawabnya terhadap isteri sedangkan isteri khawatir akan melanggar hukum Allah. *Khulu'* juga boleh dibuat oleh isteri jika ia khawatir akan berlaku derhaka kerana perbuatan suami seperti tidak mahu sembahyang, suka memukul isteri dan sebagainya.
- *Khulu'* berlaku dengan persetujuan pasangan atau mahkamah menjatuhkan *khulu'* kepada suami dengan alasan yang munasabah daripada isteri.

#### 4) *Fasakh*

- *Fasakh* adalah penceraian yang dilakukan oleh hakim (*qadi*) dengan syarat-syarat dan sebab-sebab tertentu tanpa ucapan talak.
- Antara sebab berlakunya *fasakh* apabila berlakunya salah seorang daripada pasangan keluar daripada Islam (*murtad*), atau selepas berkahwin mahkamah mengesahkan bahawa pasangannya adalah saudara susuan (*muhrim*) atau mempunyai kecacatan yang melibatkan hubungan perkahwinan.

# STATISTIK PERCERAIAN SELURUH MALAYSIA

*(Sumber: Jabatan Kemajuan Malaysia (Jakim))*

NEGERI/TAHUN	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008
PERLIS	188	186	226	253	164	228	326	247	458
KEDAH	1,168	1,549	1,133	1,085	1,474	1,737	2,006	2,188	2407
P.PINANG	647	717	911	925	916	913	813	917	937
PERAK	1,234	1,103	1,975	1,363	1,508	1,475	1,577	1,551	1951
SELANGOR	2,075	1,878	1,977	3,158	3,136	3,030	3,295	3,722	3558
K.LUMPUR	499	721	798	885	1,296	1,250	1,423	1,141	1444
N.SEMBILAN	625	564	629	684	638	807	867	907	1054
MELAKA	463	475	530	589	553	612	726	758	889
JOHOR	1,942	963	1,627	1,612	1,690	1,521	1,647	1,931	2329
PAHANG	1,016	1,042	894	917	616	1,505	1,541	1,502	1719
TERENGGANU	1,005	1,046	813	897	1,172	1,285	1232	1,537	1341
KELANTAN	1,784	2,042	1,472	1,926	1,952	1,900	2,014	2,257	2266
SARAWAK	486	602	634	652	826	820	974	910	1076
SABAH	433	311	161	570	514	582	923	924	746
W.P LABUAN	40	79	61	28	50	84	99	37	114
<b>MALAYSIA</b>	<b>13,605</b>	<b>13,278</b>	<b>13,841</b>	<b>15,544</b>	<b>16,505</b>	<b>17,749</b>	<b>19,463</b>	<b>20,529</b>	<b>22289</b>

# SOALAN LATIHAN

- 1) Apakah ciri-ciri sebuah institusi keluarga dalam Islam? Bincangkan.
- 2) Huraikan lima tujuan utama disyariatkan amalan perkahwinan dalam Islam.
- 3) Talak terbahagi kepada beberapa jenis. Terangkan perbezaan jenis-jenis tersebut.
- 4) Bincangkan bagaimana Islam menangani krisis rumah tangga antara pasangan suami dan isteri .
- 5) Pasangan suami isteri mempunyai tanggungjawab bersama terhadap sesebuah keluarga yang dibina. Huraikan lima tanggungjawab bersama tersebut beserta contoh-contoh yang bersesuaian.